

26 OCT 1996

Abdullah-Myanmar

ASEAN TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN LAPORAN NEGATIF MENGENAI MYANMAR

BUTTERWORTH, 26 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata negara anggota ASEAN tidak akan terpengaruh dengan laporan negatif media asing sejak kebelakangan ini berhubung cadangan penyertaan Myanmar dalam ASEAN.

"Ini merupakan soal prinsip. Biarlah sesiapa pun nak persoal...apa yang akan kita buat, kita buat untuk kebaikan kita, ASEAN dan rantau ini", katanya ketika diminta mengulas laporan media Barat yang mempersoalkan mengenai cadangan itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis meraikan kemenangan beliau sebagai Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti, di Kepala Batas hari ini, Abdullah berkata keselamatan dan kestabilan rantau ini merupakan fakta penting yang akan diberi perhatian sebelum menerima kemasukan Myanmar sebagai negara anggota ASEAN.

"Kalau Myanmar menjadi negara anggota, ia adalah atas asas adanya persetujuan oleh semua anggota ASEAN yang ada sekarang kerana keanggotaannya ditentukan mengikut keputusan konsensus," katanya.

Abdullah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN, berkata pada masa sekarang Myanmar hanya sebagai pemerhati ASEAN dan belum menjadi negara anggota pertubuhan itu.

"Biarlah siapa pun nak persoal (kemasukan Myanmar sebagai anggota) kerana anggota ASEAN tentu faham segala aspek dan implikasinya apabila membuat sesuatu keputusan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas mahu anggota parti memberi perhatian serius terhadap seruan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir yang mahukan anggota Umno menyayangi parti itu.

Umno wajar disayangi kerana ia merupakan khazanah Melayu yang cukup besar yang memberi kekuatan politik untuk terus membela dan memajukan nasib bangsa.

Berita kejayaan Umno membangunkan negara ini mendapat perhatian dunia sehingga ada negara luar yang ingin mengetahui mengenai formulanya yang dapat bekerjasama dengan parti daripada kaum lain untuk menempa kecemerlangan negara di masa depan, katanya.-- BERNAMA

NH NAK